



**GARIS PANDUAN HIBURAN DAN SUKAN
MAJLIS DAERAH BACHOK
BANDAR PELANCONGAN ISLAM**

GARIS PANDUAN HIBURAN DAN SUKAN MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR
PELANCONGAN ISLAM

2024

1. TUJUAN

- 1.1** Garis Panduan ini bertujuan untuk menjadi rujukan kepada pegawai pelesenan, pengiat hiburan dan sukan, pihak awam dan pihak yang ingin menganjurkan program hiburan dan sukan di Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam, memperincikan syarat-syarat khusus secara lebih jelas supaya program hiburan dan sukan dapat berjalan lancar dan selesa berdasarkan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan 1998.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1** Definisi hiburan menurut Dewan Bahasa dan Pustaka adalah sesuatu (perbuatan atau benda) untuk menghiburkan, menyenangkan dan menenteramkan hati.
- 2.2** Hiburan diperlukan bagi tujuan menyenangkan dan menenteramkan jiwa. Malahan, hiburan juga menjadi medium untuk mengangkat seni dan kebudayaan sesuatu kaum. Agama Islam tidak pernah menghalang umatnya berhibur. Namun, hiburan mestilah berpandukan syariah agar tidak melampaui batas.
- 2.3** Pihak Negeri Kelantan telah mengeluarkan Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003 berfungsi sebagai rujukan kepada semua pihak yang terlibat dengan program hiburan di Kelantan.
- 2.4** Definisi sukan adalah segala aktiviti atau kegiatan yang menggunakan ketangkasan atau kemahiran beserta tenaga (berenang, bola sepak, tenis, lumba lari dan lain-lain) yang dilakukan sebagai acara hiburan (acara pertandingan, kegiatan untuk menyihatkan badan dan lain-lain).
- 2.5** Bersukan adalah suatu aktiviti yang amat digalakkan dalam Islam kerana

dengan bersukan kesihatan dan kecergasan tubuh badan dapat dikekalkan sekaligus menjauhkan diri daripada penyakit.

- 2.6** Pada hari ini sukan bukan hanya sekadar aktiviti masa senggang semata mata bahkan mempunyai peranan yang lebih luas. Ini kerana menerusi sukan semangat muhibah, perpaduan dan keharmonian antara individu dapat dijalinkan tanpa mengira latar belakang agama, bangsa dan negara. Di peringkat antarabangsa, sukan merupakan salah satu medan yang boleh digunakan untuk mengangkat martabat sesebuah negara. Ini kerana kejayaan dalam pertandingan sukan berprestij turut dikaitkan dengan lambang kemajuan sesebuah negara selain dikagumi dan menjadi contoh kepada negara dunia lain.
- 2.7** Pada tahun ini, Garis Panduan Hiburan dan Sukan Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam yang baru dikeluarkan bagi panduan yang lebih praktikal dan lengkap kepada semua pihak.

3. KAWALAN PERSEMBAHAN HIBURAN

- 3.1** Hiburan di bawah kawalan Negeri Kelantan ditafsirkan mengikut Seksyen 2 Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan 1998 yang bermaksud semua jenis di dalam kelompok aktiviti yang disenaraikan dalam Jadual (Seksyen 1), diadakan di mana- mana tempat orang ramai (awam) boleh mendapat (ada akses) sama ada secara berbayar, percuma atau orang ramai dipelawa atau dijemput mengambil bahagian dengan berbayar.
- 3.2** Semua jenis dalam kelompok hiburan yang disenaraikan di Jadual (Seksyen 1) mempunyai unsur-unsur penglibatan orang ramai, sama ada akses untuk orang ramai atau orang ramai dijemput menyertai dengan bayaran fee. Tegasnya selagi adanya persembahan bagi mana- mana jenis hiburan yang melibatkan orang ramai sama ada di majlis rasmi, persendirian atau peribadi ianya adalah tertakluk kepada prosedur dan kawalan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan 1998.

- 3.3** Sukan dan apa-apa jenis pertandingan sukan juga disenaraikan sebagai hiburan di bawah Jadual (Seksyen 1).
- 3.4** Hiburan yang dilarang adalah segala jenis hiburan yang melanggar dengan hukum syarak dan mengandungi unsur-unsur khurafat, syirik dan perjudian (contohnya Main Puteri, Pelaga Binatang dan sebagainya).
- 3.5** Larangan ini meliputi semua peringkat persembahan yang mempunyai unsur unsur atau ciri-ciri hiburan tersebut.
- 3.6** Hiburan dikawal selia melingkungi semua jenis dan kelas hiburan secara tradisional atau moden yang perlu dikawal selia tertakluk kepada Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan 1998 dan Garis Panduan ini.

4. ELEMEN PROGRAM HIBURAN DAN SYARAT-SYARAT HIBURAN

- 4.1** Artis / Pengamal Seni – iaitu orang yang mempamerkan karya hiburan untuk tontonan umum. Mereka termasuklah pelakon, penyanyi, pemuzik, pelawak, penari, penyajak, pengacara dan penggiat/pengamal seni kebudayaan.
- i. Hendaklah berpakaian menutup aurat bagi artis beragama Islam dan berpenampilan sopan bagi artis bukan beragama Islam dengan maksud tidak memakai pakaian yang terlalu ketat, singkat dan jarang semasa melakukan persembahan.
 - ii. Bagi nyanyian dan tarian, artis / pengamal seni lelaki dibenarkan membuat persembahan kepada khayalak umum di hadapan lelaki dan wanita. Manakala artis / pengamal seni wanita hanya dibenarkan membuat persembahan kepada khayalak wanita di tempat yang tertutup sahaja kecuali persembahan berbentuk keagamaan dan patriotik.
 - iii. Pakaian artis, tatarias dan dandanan rambut mestilah tidak menyerupai jantina yang berlainan, serta dengan kadar bersederhana yang sesuai dengan uruf masyarakat.
 - iv. Artis atau penghibur perlulah dari kalangan artis yang mempunyai rekod peribadi yang baik.
 - v. Ikon artis yang mempunyai rekod buruk seperti terlibat dalam

penyalahgunaan dadah dan perlakuan buruk adalah dilarang.

- vi. Mereka yang dikaitkan dengan kontroversi melibatkan aktiviti- aktiviti Lesbian Gay Bisexual Transgender Queer (LGBTQ) adalah tidak dibenarkan membuat persembahan.
- vii. Tiada unsur-unsur negatif diketengahkan oleh artis semasa membuat persembahan.

4.2 Nyanyian – iaitu kata-kata yang bernada dan dialun secara berlagu menggunakan suara, yang biasanya diiringi oleh irama muzik. Ia mengandungi unsur lirik, rentak lagu dan alat muzik

- i. Lirik – iaitu susunan kata-kata atau perkataan yang menjadi seni kata nyanyian yang didendangkan.
 - a) Mesej yang disampaikan mestilah mendorong ke arah kebaikan.
 - b) Mengandungi unsur-unsur murni yang tidak bertentangan dengan akidah, syariat dan nilai-nilai Islam serta tiada unsur menafikan, menokok tambah atau menyelewengkan mana-mana ajaran Islam.
 - c) Menggunakan ayat-ayat Al-Quran dan Hadith dengan tujuan yang betul seperti memberikan tafsiran yang tidak menyeleweng daripada maksud sebenar Al-Quran dan Hadith.
 - d) Mengandungi unsur kesejahteraan yang tidak mengganggu sensitiviti agama, kaum dan negara.
 - e) Mengandungi unsur keimanan dan kepercayaan yang tidak berunsur pemujaan dan taasub kepada makhluk.
 - f) Mengandungi unsur kemuliaan dan mengelakkan daripada unsur penghinaan dan fitnah kepada mana-mana pihak.
 - g) Mengandungi unsur dorongan dan daya juang dengan tidak mengundang provokasi terhadap mana-mana pihak.
 - h) Mengandungi unsur sopan dan tidak lucah.
 - i) Lirik lagu yang disampaikan tidak mempunyai unsur maksiat, lagha, meransang keghairahan nafsu dan sebagainya menerusi tema-tema cinta yang melampau, luahan perasaan dan kerinduan yang berlebihan kepada manusia sehingga mendorong pendengar melakukan maksiat dan dosa.
- ii. Rentak lagu – iaitu kaedah artis mengalunkan lirik mengikut irama muzik tertentu.

- a) Rentak lagu yang disampaikan mestilah membawa kepada suasana yang positif.
- b) Rentak lagu hendaklah berbentuk mendorong penonton melakukan tindakan yang baik dan tidak merosakkan adab kesopanan serta menimbulkan fitnah seperti melompat, menjerit dan bersorak dalam keadaan di luar kawalan.
- c) Mempunyai unsur keimanan dan keagamaan yang tidak bersifat pemujaan kepada agama lain.
- d) Membawa kesentosaan dan ketenteraman mesyarakat awam seperti tidak menimbulkan bunyi bising melampau berdekatan rumah ibadat dan kawasan perumahan pada waktu sembahyang.

iii. Peralatan Muzik

- a) Bacaan Al-Quran, bacaan Hadith atau tazkirah agama Islam tidak boleh diringi oleh alunan muzik semasa persembahan.
- b) Peralatan muzik tidak dibenarkan untuk dimainkan di dalam ruangan solat masjid.

4.3 Tarian - iaitu gerakan anggota badan secara berirama dan tersusun mengikut rentak muzik.

- i. Wujud pengasing antara lelaki dan perempuan dalam satu persembahan supaya tiada percampuran yang boleh menimbulkan fitnah.
- ii. Gerak tari mempunyai nilai murni dan tidak berunsur pemujaan atau penyembahan secara langsung atau tidak langsung kepada sesuatu makhluk atau peribadi lain.
- iii. Gerak tari beretika mulia tidak menimbulkan fitnah atau memberahikan walaupun dipersembahkan oleh mana-mana pihak.
- iv. Mempunyai unsur-unsur pujian tanpa penghinaan terhadap agama, kaum dan negara.
- v. Selari dengan kehendak syarak dan uruf masyarakat setempat.
- vi. Persembahan tarian oleh artis wanita dibenarkan membuat persembahan kepada khayalak wanita sahaja dan diadakan secara tertutup kecuali persembahan berbentuk keagamaan dan patriotik.

4.4 Seni pentas, lakonan, filem dan tayangan video.

- i. Skrip, ucapan dan gerak laku semasa persembahan hendaklah selari dengan akidah, syariat dan nilai-nilai Islam.
- ii. Skrip persembahan hendaklah mengandungi nilai-nilai kesejahteraan sejagat yang tidak berunsur keganasan, fitnah, kata-kata kesat, lucah atau menimbulkan sindiran melampau atau penghinaan terhadap mana-mana individu dan organisasi.
- iii. Percampuran lelaki dan perempuan adalah dalam keadaan terkawal, mengikut syariat dan tidak membawa kepada fitnah.
- iv. Plot penceritaan hendaklah selari dengan tuntutan syariat dan akidah islam.
- v. Sensitiviti mana-mana agama, budaya dan kaum hendaklah sentiasa dipelihara.
- vi. Tiada percampuran di antara lelaki dan wanita yang bukan mahram di satu tempat tanpa sekatan dan had sehingga membawa kepada persentuhan lelaki dan wanita ajnabi, tidak berlakunya acara minum arak, pertaruhan judi dan lakonan- lakonan liar dan seumpamanya.

4.5 Penganjur

- i. Mestilah mendapatkan kebenaran Pihak Berkuasa Tempatan sebelum sesuatu program dianjurkan.
- ii. Memelihara kebersihan tempat hiburan dan menjaga keselesaan dan kebajikan penonton melalui kerjasama dengan mana-mana agensi yang telah diwujudkan kolaborasi.
- iii. Pentas hendaklah berada pada kedudukan yang sesuai dan kekukuhan pentas adalah tanggungjawab pihak penganjur.
- iv. Mengadakan aktiviti/ program hiburan di kawasan atau lokasi yang bersesuaian dan tidak dianggap tersembunyi atau terselindung daripada awam yang boleh mendatangkan keraguan dan syak.
- v. Minuman yang memabukkan dan pertaruhan judi adalah tidak dibenarkan sama sekali sepanjang program berlangsung.
- vi. Memastikan jurusolek lelaki adalah untuk artis lelaki manakala jurusolek wanita untuk artis wanita. Jurusolek juga mestilah sentiasa menutup aurat bagi beragama Islam dan berpakaian sopan bagi bukan beragama Islam.
- vii. Menyediakan tempat persalinan pakaian yang berasingan untuk lelaki dan wanita di bahagian belakang pentas.
- viii. Penyediaan tempat khas untuk penonton yang datang secara berkeluarga

adalah digalakkan.

4.6 Kawalan bunyi

- i. Pihak penganjur dikehendaki mengawal kadar bunyi sepanjang program ini pada kadar yang sesuai.
- ii. Tahap bunyi hendaklah tidak mengganggu penduduk berdekatan secara keterlaluan.
- iii. Jenis muzik yang digunakan adalah dari jenis yang boleh diterima oleh masyarakat. Muzik dan bunyian jenis Heavy Metal, Rock, Grudge dan Death Metal keras dan melampau sehingga penonton dan pendengar mengikut rentak (melompat-lompat, menjerit dan bersorak) sehingga merosakkan akhlak dan adab mereka serta mendatangkan fitnah adalah dilarang.

4.7 Kawalan Pengunjung

- i. Mengawal audiens dengan menyediakan langkah-langkah kawalan keselamatan bagi mengelakkan sebarang bentuk huru-hara, provokasi dan kegelisahan dalam kalangan audiens, mengawal percampuran bebas antara lelaki dan wanita yang bukan mahram secara melampau serta mendapatkan kerjasama pihak berwajib dalam menangani sebarang kecemasan yang mungkin berlaku sepanjang program berlangsung.
- ii. Pihak pengunjung perlu dikawal supaya tidak mengganggu persembahan dan pengunjung lain.
- iii. Pengunjung yang mabuk hendaklah tidak dibenarkan berada di kawasan persembahan.
- iv. Penyediaan tempat khas untuk penonton yang datang secara berkeluarga adalah digalakkan.
- v. Pengunjung tidak dibenarkan berpakaian menjolok mata, kotor, membawa senjata atau apa-apa peralatan yang boleh membawa bahaya.

5. ELEMEN - ELEMEN DAN SYARAT - SYARAT SUKAN

- 5.1** Atlet – peserta atau pemain yang bergiat dalam apa jua bidang sukan, ahli sukan.
- i. Atlet yang beragama Islam hendaklah berpakaian yang ditetapkan oleh syarak seperti menutup aurat, sopan dan bersesuaian dengan sukan yang diceburi.
 - ii. Atlet yang bukan beragama Islam disyorkan berpakaian sopan dengan maksud tidak terlalu ketat, singkat atau jarang.
 - iii. Atlet dilarang untuk terlibat dalam apa sahaja aktiviti yang berunsurkan perjudian, pengambilan alkohol dan bahan-bahan terlarang serta rasuah.
- 5.2** Jurulatih
- i. Jurulatih dan atlet adalah terdiri daripada jantina yang sama.
 - ii. Sekiranya berbeza jantina, batas-batas pergaulan antara jurulatih dan atlet adalah selaras dengan tuntutan syarak seperti menjaga maruah diri, akhlak, adab dan tatasusila.
 - iii. Bagi acara senamrobik, jurulatih perempuan tidak boleh menunjukkan aksi secara berhadapan dengan peserta lelaki. Jurulatih perempuan dibenarkan bagi peserta-peserta perempuan dan dilakukan di tempat eksklusif.
 - iv. Jurulatih yang beragama Islam hendaklah berpakaian yang ditetapkan oleh syarak seperti menutup aurat, sopan dan bersesuaian dengan sukan yang diceburi.
 - v. Jurulatih yang bukan beragama Islam disyorkan berpakaian sopan dengan maksud tidak terlalu ketat, singkat atau jarang.
- 5.3** Penganjur
- i. Aktiviti sukan yang dianjurkan tidak menghalang pelaksanaan ibadah wajib seperti solat dan puasa.
 - ii. Penganjur hendaklah menyelia atau mengawal perilaku atlet dan penonton daripada melakukan perbuatan-perbuatan haram atau maksiat seperti berpelukan atau bercumbuan antara lelaki dengan wanita yang bukan mahram atau menggunakan arak sebagai lambang kemenangan.
 - iii. Tempat bersukan hendaklah disediakan secara berasingan antara lelaki dan wanita atau penggunaannya diatur secara bergiliran mengikut jadual, kecuali acara-acara berpasukan yang terkawal dan tidak menimbulkan

fitnah.

- iv. Penganjur hendaklah menyelia dan mengawal sepanjang aktiviti pertandingan daripada berlaku perkara-perkara yang bertentangan dengan syarak seperti penyediaan arak dan pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan bukan mahram.
- v. Penganjur hendaklah mengawal keselamatan para peserta dan penonton daripada kejadian yang tidak diingini seperti rusuhan, tindakan ganas dan provokasi.
- vi. Penganjur disyorkan untuk menyediakan tempat berasingan bagi penonton lelaki dan wanita serta ruangan bagi penonton yang datang secara berkeluarga.
- vii. Penganjur hendaklah menyediakan kemudahan asas seperti tandas dan tempat solat.
- viii. Penganjur hendaklah memastikan kebersihan tempat pertandingan sepanjang acara berlangsung.
- ix. Aktiviti sukan yang dianjurkan hendaklah tidak melibatkan pertaruhan atau perjudian dan penggunaan bahan-bahan terlarang mahupun perkara yang memabukkan dan memudaratkan serta peralatan atau bahan yang merbahaya.

6. SUKAN YANG TIDAK DIBENARKAN

- 6.1** Sukan-sukan yang ekstrem, berisiko tinggi dan boleh menyebabkan kemudaratan kepada fizikal, mental dan spiritual serta tidak memberi manfaat kepada para atlet, penganjur dan orang awam adalah dilarang.
- 6.2** Sukan-sukan yang tidak selari dan bercanggah dengan hukum syarak juga dilarang.
- 6.3** Contoh-contoh sukan yang tidak dibenarkan ialah pertandingan makan makanan eksotik seperti kala jengking, labah-labah dan seumpamanya serta pertandingan memakan benda-benda yang haram, najis, kotor, menjijikkan dan seumpamanya.

7. PELESENAN

- 7.1** Sesuatu hiburan dan sukan tidak boleh diadakan tanpa kebenaran daripada Pegawai Pelesen yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.
- 7.2** Lesen hanya boleh dikeluarkan bagi jenis hiburan dan sukan yang dikawal selia sahaja dan tertakluk kepada budi bicara pegawai pelesenan dengan syarat-syarat tertentu. Lesen hiburan hanya boleh dikeluarkan berserta dengan kebenaran tempat hiburan daripada pihak berkuasa tempatan berkaitan dalam tempoh yang ditetapkan.
- 7.3** Borang permohonan lesen hiburan dan sukan hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan sebelum dari tarikh pertunjukan yang hendak diadakan.
- 7.4** Permohonan lesen hiburan dan sukan yang dikemukakan kepada Pegawai Pelesen berkenaan hendaklah mendapat surat sokongan daripada pihak polis sebelum surat kelulusan dikeluarkan.
- 7.5** Pegawai Pelesen boleh membuat apa-apa urusan pentadbiran tambahan sebelum menimbang dan melulus sesuatu permohonan seperti mendapat pandangan dan maklumat tertentu seperti berikut:
- i. Orang-orang yang terlibat dalam penganjuran program ini.
 - ii. Orang-orang yang mengambil bahagian dalam persembahan di dalam program ini.
 - iii. Susunan pengisian program ini meliputi aturcara, skrip, lagu dan deraf ucapan.
 - iv. Jangkaan kehadiran pengunjung atau penonton.
 - v. Lokasi cadangan program dan pelan lokasi.
 - vi. Cadangan masa program.
 - vii. Lain-lain tambahan syarat yang diperlukan mengikut kesesuaian permohonan dari semasa ke semasa.

- 7.6** Cagar akan dikenakan terhadap pemohon yang telah diluluskan lesen hiburan berdasarkan keputusan Pegawai Pelesen atau Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan Negeri Kelantan 1998.
- 7.7** Masa Hiburan dan Sukan
- i. Tiada sebarang aktiviti hiburan dan sukan dibenarkan diadakan pada masa yang ditetapkan melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
 - ii. Program hiburan dan sukan boleh dijalankan bermula jam
 - iii. 8.00 pagi hingga 12.00 malam dan tidak mengganggu perjalanan ibadat solat bagi umat Islam yang berhampiran.
 - iv. Program hiburan hendaklah diberhentikan 15 minit sebelum masuk setiap waktu solat.
 - v. Persembahan hiburan lain adalah tidak dibenarkan kecuali program yang dinyatakan berdasarkan kelulusan lesen sahaja.
 - vi. Program hiburan pada sebelah malam hendaklah bermula selepas Isyak sehingga 12.00 malam.
- 7.8** Tempat Hiburan dan Sukan
- i. Tempat penganjuran hiburan atau sukan hendaklah di tempat yang sesuai dengan hiburan atau sukan itu dipersembahkan atau dimainkan dan tidak menyebabkan kacau ganggu.
 - ii. Tiada hiburan dan sukan boleh dianjurkan dalam jarak 50 meter dari rumah ibadat kecuali hiburan berunsur keagamaan.

8.0 HARI DAN TEMPOH MASA LARANGAN

- 8.1** Hari dan tempoh masa yang tidak dibenarkan untuk menjalankan operasi tempat atau premis hiburan bagi adalah meliputi :-

Malam Khamis : Daripada pukul 6.00 petang pada hari Khamis hingga pukul 6.00 petang hari Jumaat.

Hari Maulud Nabi : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga 6.00 petang hari itu

Hari Mi'raj : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.

Hari Nisfu Syaaban : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 pagi hari itu.

Hari Pertama Raya Aidilfitri dan Hari Pertama Raya Aidil Adha.

Sepanjang Bulan Ramadhan.

Awal Muharram : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya (Maal Hijrah) hingga pukul 6.00 petang hari itu.

Hari Arafah : Daripada pukul 6.00 petang hari sebelumnya hingga pukul 6.00 petang hari itu.

9.0 PENGECUALIAN DAN TARAF EKSLUSIF

- 9.1** Kerajaan Negeri boleh mengecualikan atau memberi taraf eksklusif kepada mana-mana jenis atau kelas hiburan dan mana-mana tempat hiburan daripada peruntukan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat –Tempat Hiburan Negeri Kelantan 1998 serta mana-mana acara sukan yang hendak dijalankan di Negeri Kelantan.

9.2 Hiburan dan tempat hiburan serta sukan yang boleh dikategori sebagai eksklusif ialah :-

9.2.1 Diadakan di tempat tertentu dan khusus untuk adat dan agama bagi penganut agama lain selain Islam.

9.2.2 Di gelanggang seni dan tempat-tempat awam tertentu untuk acara rasmi kebudayaan, pelancongan Negeri dan perasmian program seumpamanya yang dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan atau Kerajaan Persekutuan.

9.2.3 Acara-acara hiburan tertentu yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

9.2.4 Acara-acara sukan tertentu bagi tujuan persembahan.

9.2.5 Acara hiburan dan sukan yang dianjurkan sendiri oleh Pihak Berkuasa Negeri atau mana-mana jabatan di bawah Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

10. PENGAWALAN DAN HIBURAN TEMPAT – TEMPAT HIBURAN

1. Lesen hiburan dan syarat-syarat lesen hendaklah dipamerkan di premis hiburan pada setiap masa.
2. Lesen perniagaan tempat hiburan hendaklah mengadakan dan menguruskan suatu tempat letak kereta yang sesuai di sekitar tempat hiburan.
3. Pemegang lesen hendaklah mengambil perlindungan insurans yang mencukupi bagi menjamin keselamatan orang ramai yang masuk ke tempat hiburan itu.
4. Pemegang lesen hendaklah pada setiap masa menjaga kebersihan tempat hiburannya sehingga Majlis.
5. Pemegang lesen hendaklah menyediakan tong sampah bertudung yang secukupnya dan menggunakan beg plastik.
6. Pemegang lesen hendaklah mengawasi paras bunyi yang disebabkan oleh hiburan yang disediakan di dalam tempat hiburannya dan memastikan bahawa bunyi demikian

tidak mewujudkan sesuatu kacauganggu.

7. Kemudahan Tandas

- i) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa kemudahan tandas disediakan dan diselenggara dalam keadaan baik dan bersih pada setiap masa.
- ii) Tiap–tiap tandas itu dilengkapi dengan paip, baldi dan hos untuk memudahkan pembersihan.

8. Pemegang lesen hendaklah menyedia dan menyelenggarakan dalam keadaan baik pada setiap masa di tempat hiburan itu sesuatu kotak pertolongan cemas yang sesuai yang mengandungi pembalut dan alat–alat pertolongan cemas.

9. Keselamatan Orang Awam

- i. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pembinaan premis, susunan tempat duduk, keperluan – keperluan pasukan bomba dan pemasangan dan pencahayaan elektrik, ganti udara dan mekanikal adalah mengikut undang undang yang berhubung dengannya.
- ii. Semua alat pencegahan kebakaran diselenggara dengan wajar dan dalam keadaan yang boleh digunakan dengan baik.
- iii. Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar adalah bebas daripada halangan dan semua pintu keluar adalah sentiasa tidak dikunci pada setiap masa untuk penguatkuasaan.

10. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang perlu dan sesuai untuk memastikan bahawa terdapatnya gantian udara itu dijaga dalam keadaan boleh digunakan dengan baik pada setiap masa

11. Pemegang lesen hendaklah memasang kamera CCTV di pintu masuk dan sekurang–kurangnya satu di tempat aktiviti hiburan.

12. Pemegang lesen hendaklah memasang lampu yang sempurna dan terang di kawasan persekitaran dan dalam premis hiburannya.

HAD – HAD LESEN HIBURAN DAN TEMPAT HIBURAN

13. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada hiburan selain daripada yang dinyatakan dalam lesen hiburan boleh dibenarkan dalam tempat hiburan itu.
14. Pemegang lesen hendaklah memastikan bilangan mesin bagi apa – apa permainan yang dibenarkan dalam tempat hiburan tidak boleh melebihi bilangan yang dinyatakan di dalam lesen.
15. Pemegang lesen tidak boleh membenarkan lebih daripada bilangan orang yang dinyatakan di dalam lesen untuk memasuki atau berada di dalam sesuatu tempat hiburan.
16. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada hiburan yang lucah boleh dibenarkan di mana-mana tempat hiburan.
17. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada sebarang tayangan filem atau CD / DVD dimainkan termasuk yang berunsur lucah.
18. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada kegiatan maksiat atau lucah yang melibatkan pelanggan, pekerja atau artis dijalankan di premis hiburan masing-masing dan adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk mencegah aktiviti tersebut.
19. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada apa-apa dadah atau pil-pil yang diharamkan digunakan atau diedarkan di premis hiburan masing-masing dan adalah menjadi tanggungjawab pemegang lesen untuk memastikan premis mereka bebas dari dadah atau pil-pil diharamkan tersebut.
20. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelakon, pelesen, pekerja dan pengunjung dalam sesuatu tempat hiburan berpakaian kemas dan sopan serta menutup aurat.
21. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada orang yang mabuk boleh dibenarkan memasuki atau berada di dalam mana-mana premis hiburan.
22. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa tiada pertaruhan, loteri atau perjudian sebagaimana yang ditafsirkan dalam Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 (

Akta 289)atau Ordinan Pertaruhan 1953 (Ord. 47/1953) dijalankan dalam premis hiburan.

23. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada radar yang berupaya membuat Pelarasan boleh digunakan dalam apa-apa permainan untuk mengubah seseorang pemain daripada mencapai tujuannya.
24. Tiada bir atau minuman yang memabukkan atau mana-mana minuman yang dilarang oleh Majlis boleh dihidang atau diminum.
25. Pemegang lesen hendaklah memastikan tiada sebarang penggunaan khidmat Pegawai Perhubungan Pelanggan (GRO) ditawarkan dan adalah ditegah dan dilarang sama sekali.
26. Pemegang lesen hendaklah memastikan bilik-bilik di dalam premis hiburan bagi karaoke dilengkapi dengan pintu yang diperbuat daripada cermin yang boleh dilihat dari dalam dan luar.
27. Jumlah bilik dan karaoke yang dibenarkan adalah tertakluk kepada kelulusan Majlis.
28. Pemegang lesen hendaklah memastikan had umur pelanggan atau pekerja hendaklah 18 tahun ke atas boleh melanggan atau bekerja di sesuatu tempat atau premis hiburan.
29. Pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah boleh dibenarkan untuk memasuki sesuatu tempat hiburan, pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelanggan 18 tahun ke bawah itu disertai bersama ibu bapa, penjaga yang sah atau seorang dewasa.
30. Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan mempamerkan notis atau papan kenyataan pada satu tempat yang mudah dilihat di dinding luar tempat hiburan bagi menerangkan perkara-perkara berikut:-
 - i. Had umur pelanggan atau pekerja yang dibenarkan memasuki tempat untuk premis hiburan ini adalah 18 tahun ke atas.
 - ii. Kanak-kanak berpakaian seragam sekolah tidak dibenarkan untuk memasuki tempat atau premis hiburan ini.

- iii. Pelanggan yang berumur 18 tahun ke bawah boleh dibenarkan untuk memasuki sesuatu tempat hiburan.

- 31. Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa pelanggan 18 tahun ke bawah itu disertai bersama ibu bapa, penjaga yang sah atau seorang dewasa.

- 32. Papan tanda atau notis waktu perniagaan yang dibenarkan hendaklah dipamerkan.

- 33. Masa operasi tempat atau premis hiburan bagi karaoke / snoker / billiard / bowling / pertunjukan pentas atau hiburan-hiburan lain adalah sehingga jam 12.00 malam sahaja.

- 34. Pemegang lesen diwajibkan menanggungkan apa-apa jua aktiviti hiburan 15 minit sebelum dan 15 minit selepas mana-mana waktu sembahyang bagi orang Islam.

SENARAI LAMPIRAN DOKUMEN BERKAITAN

- 1. Surat Sokongan Polis, Penggawa /Penghulu
- 2. Surat Kebenaran / Kelulusan Tapak
- 3. Tentatif Program /Aturcara
- 4. Pelan & Gambar Lokasi
- 5. Senarai Peserta / Selebriti Jemputan Dan Salinan Kad Pengenalan / Passport / Visa / Dll. Pengenalan Diri Berkaitan Yang Sah
- 6. Lirik Lagu / Skrip / Ucapan
- 7. Gambar Permainan
- 8. Public Liability Insurance (Jika Berkaitan)
- 9. Surat Sokongan Persatuan (Jika Berkaitan)
- 10. Surat Daripada Jabatan Imigresen (Peserta Luar Negara)

11. FEE LESEN

BIL	PERKARA	FI (RM)
1.	Pusat Billiard/ Snuker	300 setahun atau sebahagian daripada tiap-tiap satu meja
2.	Gelanggang a) Boling b) Futsal c) Badminton	75 setahun atau sebahagian daripadanya bagi tiap-tiap satu lorong. 500 setahun atau sebahagian daripadanya bagi tiap-tiap satu padang. 50 setahun atau sebahagian daripadanya bagi tiap-tiap satu gelanggang.
3.	Ekspo/ Pestaria	5000 sebulan atau sebahagian daripadanya.
4.	Dikir barat dan lain-lain permainan dan pertunjukan tradisional	45 sehari atau sebahagian daripadanya.
5.	Pertunjukan Opera/ Pertunjukan pentas/ pertunjukan di sebarang tempat terbuka	300 sehari atau sebahagian daripadanya.
6.	Lesen untuk pementasan tinju/gusti/ silat/taekwondo/ pertunjukan muzik atau lain-lain jenis hiburan di mana-mana dewan/ stadium atau mana-mana tempat yang tertutup	75 sehari atau sebahagian daripadanya.
7.	Muzik/ Nyanyian dan tarian a) Muzik dan nyanyian b) Muzik <i>live band</i> c) Dewan Tarian	300 setahun atau sebahagian daripadanya. 75 sehari atau sebahagian daripadanya. 300 setahun atau sebahagian daripadanya.
8.	Lain-lain hiburan yang tidak dinyatakan di atas	100-300 setahun atau sebahagian daripadanya.

12. DEPOSIT/ WANG CAGARAN

RM 500.00 hingga RM 20,000.00.


13. PEMAKAIAN

Garis Panduan ini terpakai bagi Majlis Daerah Bachok Sahaja.

14. RUJUKAN

- 14.1** Kelantan By The Theatres And Places Of Public Amusement (Extension to Kelantan) Ordinance 1955.
- 14.2** Enakmen No.8 Tahun 1998, Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 Negeri Kelantan.
- 14.3** Pekeliling AM Negeri, Bilangan 4 Tahun 2003, Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003, Kerajaan Negeri Kelantan.
- 14.4** Garis Panduan Persembahan Hiburan dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Raya Islam.
- 14.5** Garis Panduan Hiburan Negeri Terengganu.
- 14.6** Garis Panduan Hiburan melibatkan pertunjukan pentas Majlis Daerah Tumpat.
- 14.7** Garis Panduan Bersukan Menurut Perspektif Islam, oleh JAKIM.
- 14.8** Garis Panduan Sukan Negeri Terengganu.

**15. CARTA ALIR PERMOHONAN LESEN HIBURAN DAN LESEN TEMPAT HIBURAN
DI MAJLIS DAERAH BACHOK BANDAR PELANCONGAN ISLAM**



16. TARIKH BERKUATKUASA

BERKUATKUASA MULAI TARIKH DISAHKAN DI DALAM MESYUARAT PENUH MAJLIS.

Disahkan pada 4 September 2024

[Mesyuarat Penuh

Majlis Daerah Bachok Bandar Pelancongan Islam Bil. 5 Tahun 2024]